

27/04/2001

Sekat demonstrasi bukan diktator: PM

Zainudin Ayip

DUBAI, Khamis - Tindakan Kerajaan Malaysia menyekat demonstrasi jalanan bukan bermakna pemimpinnya mengamalkan pemerintahan kuku besi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak diktator. Kalau saya bersikap diktator, saya tidak berani keluar bersiar-siar atau membeli-belah. Saya kini bebas ke mana saja saya mahu tanpa rasa takut," katanya kepada wartawan Malaysia dan asing dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada Forum Antarabangsa Emiriah, di sini petang ini.

Beliau berkata, demonstrasi jalanan memang tidak dibenarkan kerana ia boleh memberi kesan tidak baik, terutama kepada peniaga, harta benda awam dan imej negara di mata pelancong.

"Rakyat yang tidak suka kerajaan memerintah boleh membuat keputusan untuk menukarnya dalam pilihan raya, bukan dengan berdemonstarasi. Malah, cara begitu untuk menjatuhkan kerajaan bukan amalan demokrasi," katanya.

Beliau juga mengingatkan rakyat bahawa usaha menjatuhkan kerajaan dengan cara tidak demokratik seperti di negara lain boleh menjejaskan usaha membangunkan negara secara berterusan.

Kalau terlalu sering tukar kerajaan, ia boleh mewujudkan kerajaan yang tidak mantap hingga menyukarkan untuk meneruskan projek pembangunan bagi kepentingan rakyat, katanya.

Mengenai proses globalisasi yang sedang dijalankan oleh kebanyakan negara besar di dunia, beliau berkata, perkara itu ada baik dan buruknya.

"Globalisasi bukan saja dari segi kemasukan modal, tetapi lebih baik jika turut disertakan dengan penghijrahan orang ke negara lain.

China dan India, misalnya begitu ramai penduduknya. Bayangkan jika 300 juta rakyat kedua-dua negara ini dibenarkan berhijrah dan bekerja di Eropah mengikut proses globalisasi.

Beliau mendapati, globalisasi hanya menguntungkan kuasa besar untuk menjajah daripada segi ekonomi dengan menanam modal besar-besaran di negara lain, terutama negara sedang membangun.

"Negara yang ada duit cuba menawan sesebuah negara. Mereka menanam modal dan dengan sesuka hati menarik balik modal yang sudah dilaburkan.

"Malaysia juga terkena. Ada pelabur asing yang menanam modal, tiba-tiba menarik balik perlaburan mereka atau memindahkannya ke negara lain.

"Kita cuba melihat perkara ini agar orang yang menanam modal tidak sesuka hati menarik semula modal mereka," katanya.

(END)